

**Najib Puji Pihak Yang Bantu Tingkatkan Kedudukan Daya Saing Malaysia
Bernama
Sept 3, 2014**

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu menzahirkan penghargaan beliau kepada pihak yang telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam daya saing global.

"Alhamdulillah, kita adalah negara ke-20 paling berdaya saing!

"Kita naik empat mata tangga hasil usaha bersama kita," kata perdana menteri dalam catatan terbaru Twitter beliau.

Najib mengulang tweet laporan Bernama bertajuk 'Malaysia Climbs Four Notches on Global Competitiveness Ranking' (Malaysia Naik Empat Mata Tangga dalam Kedudukan Daya Saing Global) dalam Laporan Daya Saing Global 2014-2015.

Menurut laporan itu, kedudukan Malaysia dalam daya saing global melonjak ke tangga ke-20 daripada kalangan 144 negara, mendahului ekonomi maju seperti Austria, Australia, Perancis dan Korea Selatan.

Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia Datuk Mohd Razali Hussain berkata negara berada pada kedudukan ke-24 daripada kalangan 148 negara pada tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1065622>